

## Strategi Pengembangan Pelancongan Islamik di Nusantara Melalui Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) di Sabah

*Strategies for the Development of Islamic Tourism in the Archipelago Through the Shariah Compliant Homestay Model (SCHM) in Sabah*

Suhailah Abdul Muin<sup>a\*</sup>, Mohd Nor Azan Abdullah<sup>b</sup>, Mikdar Rusdi<sup>c</sup>, Mardyawati M. Ag<sup>d</sup>, Norcikeyonn Samuni<sup>e</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

<sup>b</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

<sup>c</sup>Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam

<sup>d</sup>Universitas Islam Makassar, Kota Makassar, Sulawesi Selatan 90245, Indonesia

<sup>e</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan

Corresponding author: drsubailab@ums.edu.my

---

### Article history

Received: 2023-12-31

Received in revised form: 2024-02-05

Accepted: 2024-05-28

Published online: 2024-10-31

### Abstract

The strategy of developing Islamic tourism in the archipelago through the Shariah-Compliant Homestay Model in Sabah (MHPS) requires a holistic and planned approach. Key strategies include improving homestay infrastructure, providing courses for homestay owners in aspects of sharia compliance, effective digital marketing, collaboration with local communities, developing religiously oriented tourism packages, and the active involvement of religious institutions. The use of technology, an efficient management system, periodic evaluation, and an emphasis on the development of local skills are important aspects of developing a Syariah-compliant homestay model tourism strategy. This approach aims to create a tourism experience that meets Sharia principles by making MHPS in Sabah an attractive destination for Islamic tourists in the archipelago in particular and the world in general. Ensuring the success of this model depends on close cooperation between stakeholders and commitment to the improvement and continuity of the Islamic tourism industry. The research method used in this study is through in-depth interview techniques with 30 homestay operators in Sabah, literature highlights, and observation of facilities in the field. The results of the study show that the potential of Islamic tourism in Sabah and the archipelago is very large, but the accommodation infrastructure that complies with Sharia principles is still limited. Therefore, a comprehensive development strategy is needed to encourage the use of Shariah-compliant homestays (MHPS) as a suitable accommodation option for Muslim tourists. This development strategy needs to involve collaboration between the government, entrepreneurs, and the local community in developing MHPS by ensuring that aspects such as cleanliness, gender separation, and food preparation comply with halal standards. In addition, a strong marketing strategy emphasizing Islamic values for preserving the natural beauty of the archipelago needs to be implemented. The results of this study are expected to guide relevant parties in developing the potential of Islamic tourism in Sabah and the archipelago through MHPS widely, especially in Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, and other Asian countries. The impact of the development of MHPS is seen to be able to increase the number of Muslim tourists from Asia and other parts of the world and provide economic benefits to the local community.

*Keywords:* Islamic Tourism; Syariah Compliant Homestay (MHPS); Marketing Islamic Values, Archipelago

### Abstrak

Strategi pengembangan pelancongan Islamik di Nusantara melalui Model *Homestay* Patuh Syariah di Sabah (MHPS) memerlukan pendekatan yang holistik dan terancang. Strategi utama termasuk peningkatan infrastruktur *homestay*, kursus bagi pemilik *homestay* dalam aspek kepatuhan syariah, pemasaran digital yang efektif, kerjasama dengan komuniti lokal, pengembangan pakej pelancongan berorientasikan keagamaan dan keterlibatan aktif institusi keagamaan. Penggunaan teknologi, sistem pengurusan yang efisien, penilaian berkala, dan penekanan pada pengembangan keterampilan lokal menjadi aspek penting dalam membangun strategi pelancongan model *homestay* patuh syariah. Pendekatan ini bertujuan untuk menciptakan pengalaman pelancongan yang memenuhi prinsip-prinsip

syariah dengan menjadikan MHPS di Sabah sebagai destinasi menarik bagi pelancong Islamik di Nusantara khususnya dan dunia amnya. Bagi menjamin keberhasilan model ini bergantung pada kerjasama erat antara pihak berkepentingan dan komitmen terhadap peningkatan dan kesinambungan industri pelancongan Islamik. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini melalui teknik temubual mendalam bersama 30 orang pengusaha *homestay* di Sabah, sorotan literatur, dan pemerhatian fasiliti di lapangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa potensi pelancongan Islamik di Sabah dan Nusantara sangat besar, tetapi infrastruktur penginapan yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah masih terhad. Oleh itu, strategi pembangunan yang komprehensif diperlukan untuk menggalakkan penggunaan *homestay* Patuh Syariah (MHPS) sebagai pilihan penginapan yang sesuai untuk pelancong Muslim. Strategi pembangunan ini perlu melibatkan kerjasama antara pihak kerajaan, pengusaha dan masyarakat tempatan dalam membangunkan (MHPS) dengan memastikan aspek-aspek seperti kebersihan, pemisahan ruangan jantina, dan penyediaan makanan mematuhi standard halal. Selain itu, strategi pemasaran yang kuat dengan menekankan nilai-nilai Islamik dalam melestarikan keindahan alam Nusantara perlu dilaksanakan. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak yang berkaitan dalam mengembangkan potensi pelancongan Islamik di Sabah dan Nusantara melalui MHPS secara meluas khususnya di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam serta negara Asian lainnya. Impak pembangunan MHPS dilihat akan dapat meningkatkan kunjungan pelancong Muslim dari Asian dan pelosok dunia serta dapat memberikan manfaat ekonomi kepada komuniti tempatan.

*Kata Kunci:* Pelancongan Islamik; *Homestay* Patuh Syariah (MHPS); Strategi Pengembangan, Pemasaran Nilai-nilai Islamik, Nusantara

## 1.0 PENDAHULUAN

Malaysia turut diiktiraf sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim oleh pelbagai entiti pengiktirafan pelancongan antarabangsa kerana dapat menyediakan pelbagai kemudahan dan pembangunan moden yang memenuhi kehendak dan tuntutan umat Islam seperti Dinar Standard yang berpangkalan di Amerika Syarikat, serta mempunyai ekosistem ekonomi Islam paling maju di dunia bagi sektor pelancongan halal sejak 2014 hingga 2022 yang dikeluarkan oleh Dinar Standard, (Harakah Daily, 20 Julai 2022; Hafiz, 2018). Sebarang aktiviti dan produk yang dapat membangunkan pelancongan Islam perlu dibangunkan agar para pelancong mudah memperolehi manfaatnya dengan cara meletakkan pelancongan dalam Islam tidak dapat dipisahkan dengan pelaksanaan ibadah itu sendiri, (Shofwan, 2013).

Pelancongan Islam dilihat sebagai salah satu produk pelancongan baru yang berpotensi untuk berkembang dan semakin mendapat permintaan ramai melibatkan pelancong domestik mahupun antarabangsa. Tren pelancongan Islam dilihat semakin berkembang secara pantas di mana permintaan dan penawaran terhadap pelancongan ini sering meningkat dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, Malaysia memiliki potensi yang besar untuk dijadikan sebagai destinasi pilihan pelancongan Islam di peringkat antarabangsa dengan bukti kejayaan merangkul tempat pertama yang diraih dalam *Global Travel Index* iaitu satu kajian di peringkat global oleh *CrescentRating*.

Penubuhan *Islamic Tourism Centre* (ITC) pada 2009 telah menggalakkan pembangunan pelancongan Islam di Malaysia di mana pelbagai strategi telah dirancang dan dijalankan oleh pelbagai pihak seperti kerajaan dan juga pemain industri bagi membangun dan menjayakan produk pelancongan ini seperti penganjuran acara pelancongan Islam di peringkat nasional dan antarabangsa, pembangunan produk dan warisan pelancongan Islam yang berpotensi untuk dipasarkan, serta penerapan nilai dan budaya murni di kalangan masyarakat Malaysia, (Lina dan Hairul, 2012). Sebagai contoh, perkembangan pelancongan Islam yang semakin meluas di negara-negara Islam, Malaysia telah mewujudkan Tahun Melawat Kelantan 2012 dan Tahun Melawat Perak 2012 bagi menggalakkan lagi para pelancong menikmati keindahan dan tarikan produk pelancongan ini.

Penginapan adalah prasarana paling penting bagi pelancong Muslim kerana ianya adalah kunci utama dalam pembangunan sektor pelancongan Islam di Malaysia, (Hardius, Nurdin dan Lia, 2020). Hampir 90 peratus daripada penginapan jenis hotel di negara ini memiliki kriteria sebagai hotel mesra muslim dan berpotensi besar menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke premis yang sedia ada untuk bercuti, (Kosmo, 16 Februari 2021). Antara hotel mesra muslim di bawah senarai *Islamic Tourism Centre* (ITC) ialah Adya Hotel, Hotel Grand Bluewave Movenpick Hotel & Conventional Centre, Zenith Putrajaya Hotel, Tamu Hotel & Suites serta Perdana Kuala Lumpur City Centre.

Nusantara adalah merupakan sebuah rantau yang luas meliputi wilayah-wilayah negara Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Timor Leste. Walaubagaimanapun, pelancongan Islam di Nusantara dipelopori oleh Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam yang mana ianya mempunyai banyak persaingan dengan negara di Timur Tengah seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE), Turki dan Jordan. Dengan adanya persaingan ini, Malaysia perlu bekerjasama dengan negara tetangga seperti Indonesia dan Brunei Darussalam bagi mengadakan pakej Muslim dan mesra Muslim dengan mengetengahkan kepelbagaian etnik, budaya, makanan dan fasilitasi untuk menarik minat pelancongan Islam untuk berkunjung. Para pengusaha pakej pelancongan perlu memahami keperluan dan pilihan pelancong Islam dan cara menyesuaikan serta serasikan produk selain perkhidmatan bagi memenuhi keperluan itu. Terdapat penyelidikan yang menunjukkan kajian kriteria tarikan pelancongan adalah penting untuk memahami elemen yang mendorong seseorang untuk melancong. Selain kriteria tarikan

pelancongan, tahap kemudahan yang disediakan di destinasi perancangan turut mempengaruhi kepuasan kunjungan pelancong, (Formica, 2002).

## 2.0 ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Perkara utama yang perlu menjadi pertimbangan masyarakat Muslim ketika melancong ialah keperluan makanan halal dan perkhidmatan yang mesra pengguna Islam seperti kemudahan penginapan, (Azarudin et al., 2021). Masalah kesukaran untuk melaksanakan ibadah dan kewujudan unsur-unsur maksiat di lokasi penginapan menjadi dilema kepada sebilangan Muslim untuk menginap di sesuatu tempat, (Noor Fiteri, 2013). Memandangkan hotel mengenakan caj bayaran yang tidak semuanya mampu ditunaikan oleh pelancong, penginapan jenis *homestay* patuh syariah boleh dijadikan sebagai salah satu alternatif bagi mengurangkan kos perbelanjaan sekaligus memudahkan para musafir melaksanakan ibadah. Bagi memastikan pelancongan adalah berlandaskan falsafah Islam, niat atau tujuan perjalanan adalah mustahak dimana ianya perlu dilaksanakan dengan niat yang betul mengikut syariat Islam, (Haliza, 2018).

Menurut Suhailah et al., (2023), ramai pelancong mungkin tidak memahami sepenuhnya konsep *homestay* patuh Syariah dan prinsip-prinsip yang terlibat. Hal ini dapat mengakibatkan ketidakpastian dalam memilih penginapan yang sesuai dengan keperluan keagamaan mereka. Justeru kurangnya kesedaran dan pemahaman yang mencukupi tentang konsep dan prinsip-prinsip Syariah dalam kalangan pemilik *homestay* dan juga pengunjung dilihat antara perkara yang boleh merencatkan pengembangan pelancongan Islamik di nusantara dan Malaysia khususnya. Oleh itu pemerksaan pendidikan dan kesedaran tentang aspek-aspek Syariah dalam bidang pelancongan amat perlu ditingkatkan. Sebagai contoh dalam artikel yang ditulis Hasri (2017) pelbagai kegiatan keislaman seperti Seminar Eksekutif Maqasid Syariah yang dianjurkan oleh JAIS di Negeri Selangor sedikit sebanyak telah memberi banyak ruang untuk melihat perkembangan kefahaman islam kepada masyarakat muslim termasuk masyarakat bukan Islam.

Selain tu, penyediaan infrastruktur yang mematuhi keperluan syariah masih lagi terhad seperti dalam perkara pemisahan gender dalam sesebuah ruangan, fasiliti solat, dan makanan halal khususnya dalam konteks penginapan jenis *homestay*. Isu-isu sensitif umat Islam seperti tanda arah kiblat, makanan halal, minuman keras, aktiviti pelacuran, perjudian, bilik persalinan, kolam renang terbuka dan sebagainya sering tidak dititik berat oleh pihak yang bertanggungjawab khususnya para pengusaha premis dan juga pelancong. Justeru, dengan merujuk kepada al-Quran dan hadith dapat dijadikan sebagai panduan untuk mewujudkan penginapan yang lebih mesra pelanggan Muslim serta setiap semua aspek kehidupan manusia, (Siti Noorbiah dan Najahudin, 2012). Bagi menyediakan keperluan infrastruktur dalam premis penginapan memerlukan sejumlah modal kewangan yang banyak untuk membina fasiliti yang memenuhi keperluan pelancongan Islamik yang lebih mampan.

Seterusnya, menjadi satu keperluan untuk membangunkan sebuah polisi atau pensijilan yang mengandungi peraturan yang mengawal *homestay* patuh syariah melalui piawaian yang jelas untuk memastikan kepatuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah dapat dipenuhi secara menyeluruh khususnya kepada para pengusaha *homestay*. Kualiti perkhidmatan dalam *homestay* patuh syariah mungkin berbeza-beza bergantung kepada penyediaan fasiliti dan prasarana dalam premis yang disediakan oleh para pengusaha. Oleh itu amat penting untuk memastikan standard piawaian perkhidmatan, keselamatan dan keselesaan menjadi keutamaan untuk memenuhi keperluan dan kepuasan pelancong. Walaubagaimanapun, usahawan dan peniaga perlu mengambil peluang melaksanakan perniagaan yang mematuhi syariah sebagai alternatif utama untuk menarik sokongan pelanggan dengan cara meningkatkan kualiti perniagaan bersifat lebih mesra pelanggan seiring dengan kesedaran pengguna untuk menyokong produk dan perniagaan orang Islam.

Usaha pemasaran yang efektif juga diperlukan untuk menarik lebih ramai pelancong Muslim dan memperkenalkan dan mempromosikan konsep MHPS bagi mengembangkan potensi

segmen pelancongan islamik di Nusantara. Kerjasama antara kerajaan, usahawan, dan masyarakat tempatan adalah kunci kepada kejayaan pembentukan model ini. Penglibatan komuniti tempatan juga dilihat penting bagi memastikan pembangunan MHPS ini dapat diselaraskan mengikut keadaan geografi, budaya dan sosial sesebuah lokaliti. Dengan adanya kepelbagaian produk bercirikan islamik yang dipasarkan kepada pelancong dapat menggalakkan perkembangan industri pelancongan Islamik serta mewujudkan persaingan dalam kalangan pengusaha premis penginapan yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah di destinasi tumpuan pelancong.

Kajian Widyia (2018) adalah berkaitan strategi promosi dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pengurus kawasan dalam menambah baik bilangan pengunjung dan bagaimana etika Islam dilihat dalam strategi promosi dan perkhidmatan Pantai Sari Ringgung, Pesawaran. Berdasarkan hasil penelitian menunjukkan bahwa strategi promosi dan perkhidmatan yang dilaksanakan dalam meningkatkan jumlah pengunjung iaitu dengan menerapkan kepelbagaian promosi melalui iklan menerusi media elektronik dan media sosial. Selain itu, promosi jualan juga diadakan dengan penganjuran pelbagai program dan penyediaan hiburan. Sementara itu, pandangan etika Islam pula dalam strategi promosi dan perkhidmatan Pantai Sari Ringgung iaitu tidak melanggar sumpah, jujur, tidak mungkir janji, mengelakkan penipuan, dan bersedia untuk membuat keuntungan kecil.

Oleh itu, semua aspek perniagaan dalam penyediaan kemudahan penginapan *homestay* perlu mengaplikasikan MHPS sebagai rujukan dan peraturan bagi memastikan tata kelola berkaitan pendaftaran perniagaan, lesen, dan cukai adalah sah dari segi undang-undang dalam proses pelaksanaannya. Dalam rangka pengembangan model MHPS yang berterusan akan memberi inapak dan kesan kepada alam sekitar dan budaya setempat sekaligus dapat mempromosikan kesinambungan pelancongan Islamik dalam jangka masa panjang. Bahagian berikutnya menjelaskan berkenaan persoalan dan objektif penulisan makalah ini.

## 2.1 Persoalan Kajian

- i. Apakah potensi pelancongan Islamik di kawasan Nusantara dan sejauhmanakah Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) sesuai untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim.
- ii. Bagaimanakah pengembangan yang komprehensif untuk mempromosikan MHPS sebagai pilihan penginapan utama bagi pelancong Muslim di Nusantara.
- iii. Apakah impak ekonomi dan sosial pengembangan pelancongan Islamik melalui MHPS terhadap komuniti tempatan seperti ekonomi, peluang pekerjaan, dan pemeliharaan budaya.

## 2.2 Objektif Kajian

- i. Menilai sejauh mana potensi pelancongan Islamik di kawasan Nusantara dan sejauh mana Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) sesuai untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim.
- ii. Merumuskan strategi pengembangan yang komprehensif untuk mempromosikan MHPS sebagai pilihan penginapan utama bagi pelancong Muslim di Nusantara.
- iii. Menilai impak ekonomi dan sosial pengembangan pelancongan Islamik melalui MHPS terhadap komuniti tempatan seperti pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, dan pemeliharaan budaya.

## 3.0 SOROTAN LITERATUR

Latifah, Hisham dan Junaidah (2022) dalam kajiannya bermatlamat untuk memahami standardasi perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim di Malaysia dan meneroka pendekatan dakwah

profesional bagi memperkasakan pelancongan Islam. Kajian ini membuat analisa berdasarkan lima komponen dakwah iaitu *da'i* (pendakwah), *mad'u* (sasaran dakwah), *mad'u bihi* (kandungan), *qawd'id* (kaedah) dan *ushib* (pendekatan). Dapatan kajian menunjukkan bahawa standardasi mesra Muslim memberi impak positif ke arah pemeraksanaan pelancongan Islam. Pihak berautoriti, badan pensijilan dan juruaudit berperanan sebagai *da'i* untuk menggalakkan pemain industri menawarkan produk dan perkhidmatan yang tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Signifikasinya, pelaksanaan perkhidmatan hospitaliti mesra muslim (PHMM) dapat memenuhi keperluan pelancong Muslim terutamanya bagi penyediaan kemudahan penginapan. Indikator-indikator standard mesra Muslim adalah meliputi aspek bilik mempunyai ruang solat yang mencukupi, verifikasi arah kiblat, penyediaan makanan dan minuman halal, tandas yang dilengkapi dengan bidet serta kemudahan fasiliti yang berasingan.

Penyelidikan Atmo (2021) adalah bertujuan untuk meneroka agama dan budaya dalam destinasi pelancongan halal dan elemen khusus yang digunakan bagi menjenamakan produk halal di Indonesia. Hubungan antara agama dan budaya di Indonesia khususnya di Lombok menghasilkan identiti budaya Islam yang unik kerana agama dan budaya tidak lagi dianggap sebagai 'suci' dan tidak mempunyai 'keaslian'. Kajian ini juga selari dengan Teori Anssi Paasi (1986) yang menyatakan bahawa destinasi pelancongan tidak dapat dipisahkan daripada dinamik serantau perubahan agama dan budaya, bentuk institusi dan peranan sosial komuniti dalam menjana identiti destinasi yang kukuh. Tanpa unsur-unsur ini, destinasi pelancongan halal sukar dicapai. Pelancongan Halal di Indonesia dalam konteks sejarah dan dinamikanya telah mengalami akulturasi antara agama dan budaya tempatan. Kemudian hasil pembudayaan budaya agama dijadikan sebagai tarikan pelancongan halal untuk dipasarkan dan dipromosikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Kedua, penggunaan istilah 'pelancongan halal' bersifat eksklusif yang mana menurut pengkaji, istilah 'pelancongan mesra agama' adalah lebih sesuai dalam sektor pelancongan.

Syits et al., (2021) pula cuba meninjau kekuatan (*Strengths*), kelemahan (*Weaknesses*), peluang (*Opportunities*) dan ancaman (*Threats*) pelancongan halal di Bandung, melalui kaedah analisis SWOT. Hasil kajian mendapati, galakan kerajaan tempatan yang kuat, ketersediaan banyak destinasi dan kemudahan pelancong untuk beribadah, serta orientasi masyarakat Bandung terhadap Islam adalah asas kekuatannya. Kelemahannya adalah penyedia perkhidmatan untuk pelanggan masih belum dilaksanakan secara optimum. Sementara itu, peluang bagi pelancong halal adalah kemudahan akses ke tempat-tempat tarikan pelancong. Kemudian ancamannya adalah persaingan sengit antara kawasan lain di Indonesia yang sama-sama membangunkan pelancongan halal. Dengan membangunkan dan melaksanakan strategi berdasarkan hasil analisis ini dapat memajukan pelancongan halal di Bandung demi memperbaiki keadaan ekonomi dan menjadikannya sebagai satu destinasi pelancongan halal terbaik di wilayah Jawa Barat.

Satu kajian telah dilaksanakan untuk mengenal pasti sejauh mana nilai Islam yang meliputi modal insan, modal struktur dan modal hubungan diamalkan dalam pengurusan modal intelek di sektor perhotelan. Kajian ini melibatkan 80 pengurus hotel di Malaysia menggunakan data kajian lapangan secara keratan rentas. Hasil kajian menunjukkan modal insan, modal struktur dan modal hubungan adalah signifikan dan secara positif mempengaruhi modal intelek. Dapatan kajian menunjukkan nilai seperti pengetahuan, jujur, orientasi halal dan mengelak pembaziran mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan modal intelek. Dapat disimpulkan, nilai Islam amat penting dalam pengurusan modal intelek di peringkat organisasi. Di peringkat penggubal dasar, nilai Islam perlu di integrasi dengan lebih berkesan sebagai mekanisme bagi memperkasa pelaksanaan konsep pelancongan Mesra-Muslim dalam industri pelancongan di negara ini, (Tengku Kasmini et al., 2021).

Hurriah (2022) memberikan penjelasan komprehensif tentang pelancongan Islam dan prospeknya pada masa hadapan serta perkembangan semasa pasaran pelancongan halal di peringkat antarabangsa selepas era pandemik Covid-19. Pelancongan syariah bukan sahaja merangkumi kedatangan pelancong ke sesuatu tempat tetapi juga termasuk penyediaan kemudahan

sokongan seperti restoran dan hotel yang menyediakan makanan halal dan tempat ibadat mencukupi. Selain daripada itu, keperluan untuk melaksanakan peraturan Islam, kestabilan keselamatan, politik dan ekonomi adalah merupakan salah satu komponen paling asas bagi proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang dapat menentukan pembangunan kawasan destinasi pelancongan halal.

Aam (2019) dalam kajiannya cuba menganalisis penerokaan hotel halal perkhidmatan berdasarkan amalan tiga hotel halal di tiga negara seperti Hotel Sofyan (Jakarta, Indonesia), De Palma Hotel Ampang (Kuala Lumpur, Malaysia) dan Adenya Hotel and Resort (Antalya, Turki). Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual tidak berstruktur yang mendalam dengan terpilih informan (data primer) dan penggunaan data sekunder serta pemerhatian tapak di Hotel Halal terpilih di Jakarta (Indonesia), Kuala Lumpur (Malaysia) dan Antalya (Turki). Pelancong Muslim biasanya bimbang jika hotel mesra Muslim mampu untuk menampung gaya hidup halal mereka. Antara keperluan pelawat Muslim semasa menginap adalah hotel menyediakan tanda arah kiblat, tikar solat, kemudahan untuk berwuduk, tandas basah (air dan bukannya tisu) di dalam tandas, kakitangan berpakaian sopan, tidak memakai daging babi, makanan tiada alkohol, muzik yang relevan dengan suasana Islamik dan tiada hiburan zina. Model untuk hotel Halal harus mengikut prinsip syariah, namun terdapat kemudahan asas dan polisi yang perlu dipatuhi.

Terdapat satu kajian dilaksanakan bertujuan untuk menghasilkan konsep perhubungan awam berteraskan Islam dalam hotel mesra Muslim (HMM) di Malaysia. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenal pasti konsep perhubungan awam berteraskan Islam, menilai perhubungan awam berteraskan Islam dalam HMM di Malaysia dan merumuskan konsep dan amalan perhubungan awam berteraskan Islam dalam HMM di Malaysia. Proses pengumpulan data melibatkan temu bual bersama 15 orang informan yang terdiri daripada lima kategori iaitu, kategori pengamal perhubungan awam di HMM, pakar syariat, pegawai agama di HMM, pakar akademik bidang perhubungan awam dan hospitaliti Islam dan pakar industri. Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini telah berjaya membentuk konsep perhubungan awam berteraskan Islam dengan memuatkan elemen sumber syariat, kerangka dan matlamat akhir, amalan, peranan dan fungsinya dalam HMM. Pembentukan konsep ini boleh diaplikasikan dalam HMM dan memberi impak signifikan kepada organisasi berteraskan Islam secara keseluruhan kerana dapat melaksanakan tugas bersesuaian dengan tuntutan agama, (Siti Zanariah, 2019).

Mohd Izzudin dan Fatimah (2018) dalam kajiannya telah menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab, artikel-artikel ilmiah, berkenaan dengan industri perhotelan secara umumnya, Maqasid Syariah dan konsep hotel Patuh Syariah. Maqasid Syariah merupakan tujuh baru dalam menerokai keluasan ilmu fiqh kontemporari. Melalui penelitian sumber maklumat ini, analisis kemudiannya dibuat terutamanya terhadap istilah Maqasid Syariah dan Patuh Syariah bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan istilah berkenaan. Kajian ini juga menilai sejauh mana Maqasid Syariah boleh diaplikasikan dalam mewujudkan hotel yang berkonsepkan patuh Syariah. Hasil dapatan kajian telah mendapati umumnya Maqasid Syariah boleh diaplikasikan sebagai parameter konsep hotel patuh Syariah.

Manakala, kajian Siti Fatma dan Rosmawati (2015) pula berobjektif untuk mengenal pasti ciri-ciri hotel patuh syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat ciri-ciri hotel patuh syariah yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam penyediaan perkhidmatan penginapan mesra muslim di Malaysia dalam kajian ini iaitu elemen reka bentuk dan ruang persekitaran, organisasi dan pekerja hotel yang terlibat, etika pelanggan dan juga kemudahan umum. Namun demikian, pengelasan ciri-ciri hotel patuh syariah ini tidak mempunyai panduan khusus yang dikeluarkan oleh JAKIM. Bertepatan dengan hala tuju penulisan artikel ini, ciri-ciri penginapan patuh syariah akan dibincangkan secara lebih mendalam dengan menambah satu indikator baru iaitu keselamatan dan keselesaan. Namun demikian, penjelasan ciri-ciri penginapan patuh syariah yang dibincangkan

adalah memfokuskan kepada penginapan jenis *homestay* bukannya hotel. Oleh itu, tidak semua indikator dalam senarai ciri-ciri penginapan hotel patuh syariah sesuai untuk digunakan dalam penelitian kajian sekaligus membentuk Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) khususnya di Sabah.

Tidak dinafikan, terdapat banyak lagi kajian yang berkaitan dengan penyediaan produk pelancongan dalam memperkasakan lagi sektor industri pelancongan Islam di Malaysia seperti penyediaan makanan halal, pengurusan kewangan berlandaskan syarak, penginapan mesra muslim yang menjadi fokus kepada penyelidik para penyelidik di Malaysia mahupun luar negara, (Suhailah, Mohd Nor Azan dan Norcikeyonn, 2022). Melalui tinjauan literatur yang dilakukan penyelidik mendapati bahawa penjelasan ciri-ciri penginapan patuh syariah daripada jenis *homestay* masih kurang ditonjolkan khususnya dalam mempromosikan *homestay* sebagai salah satu produk pelancongan islamik di Malaysia. Tambahan lagi, belum ada satu Model khusus bagi penginapan patuh syariah dihasilkan sebagai rujukan dan panduan oleh para pengusaha penginapan dalam industri pelancongan sedia ada.

#### 4.0 PEMBENTUKAN MODEL HOMESTAY PATUH SYARIAH (MHPS)

Pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) dilihat sebagai salah satu kefardhuan kerana ianya merupakan fardhu kifayah yang perlu diusahakan demi masalah dan manfaat ummah. Rentetan daripada itu, untuk menjadikan *homestay* pilihan atau idaman tumpuan pelancong Islam, seharusnya pihak pengusaha *homestay* dengan kerjasama pihak berwajib seperti Islamic Tourism Centre (ITC) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIS) hendaknya berusaha bersama-sama dalam memahami dan menyediakan keperluan dan kehendak pelancong Islam serta menyesuaikan dengan keadaan dan kesesuaian destinasi.

Melalui pendekatan penyediaan Model *homestay* yang terancang dan sistematik dan bersifat mesra Muslim dilihat dapat mencetuskan kesedaran kepada penginap untuk menggunakan segala prasarana dan kemudahan umum yang telah disediakan sebagai salah satu kelengkapan jaminan produk seperti yang telah disediakan dalam pakej pelancongan Islamik yang dipromosikan. Pembentukan model *homestay* perlu dikembangkan dengan penekanan kepada fokus pelancongan ilmiah, pelancongan budaya patuh syariah, pelancongan agroponik (ladang) patuh syariah, pelancongan penternakan, pelancongan pertanian dan pelancongan riadah, pelancongan warisan dan budaya setempat. Kesemua cadangan pelancongan di atas hendaknya diasaskan mengikut acuan syarak.

Pelancongan di dalam Islam juga merupakan satu ibadah yang disusuli dengan niat dan tujuan yang baik untuk mengelakkan perkara yang dilarang oleh Syarak, (Suhailah, Mohd Nor Azan dan Norcikeyonn, 2022). Islam juga menggalakkan umatnya untuk mengembara bagi membolehkan mereka menghargai ciptaan Allah SWT, mengeratkan silaturrahim dan menimba ilmu.

**Maksudnya:** *Mengembaralah kamu di muka bumi, serta libatlah bagaimana Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru.*

(Al-Ankabut, Ayat 20)

Peluang dalam mewujudkan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) untuk dipertimbangkan ianya perlu menjalani beberapa siri saringan atau proses keabsahan. Sebagai peraturan umum, terdapat dua jenis saringan proses iaitu kualitatif dan kuantitatif, (Arslan-Ayaydin et al., 2019). Justeru, dalam usaha pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) ini, pengkaji telah menggunakan kedua-dua pendekatan bagi meneliti permasalahan dan merancang solusi bagi membentuk Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) yang ingin diimplementasikan dalam pelancongan Islamik di Malaysia.



## 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah bersifat data kualitatif yang berbentuk deskriptif, (perkataan lisan atau tulisan), (Patton, 1990). Data kualitatif dalam kajian ini diperolehi daripada tiga jenis data iaitu melalui hasil pemerhatian, temubual dan bahan bertulis (sorotan literatur). Rajah 1 menunjukkan tatacara yang dilaksanakan dalam memastikan pengembangan MHPS ini dapat diaplikasikan dalam industri pelancongan islamik dalam konteks Nusantara.



Rajah 1 : Tatacara Pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS)  
Sumber: Pengkaji (2023)

## 6.0 ELEMEN DALAM MODEL HOMESTAY PATUH SYARIAH (MHPS)

Jadual 1 memperincikan ciri-ciri yang akan membentuk *homestay* berlandaskan patuh syariah mengikut tinjauan ciri-ciri sedia ada dan juga tambah baik indikator baru mengikut kesesuaian fokus kajian. Jadual 1 memperincikan lima ciri-ciri penginapan *homestay* patuh syariah yang disenaraikan bagii membentuk MHPS.

**Jadual 1:** Ciri-ciri Pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS)

<b>Kod</b>	<b>C1 - Reka Bentuk dan Ruang Persekitaran (Bilik)</b>
C1.1	Penginap tidak boleh membawa minuman beralkohol dalam premis
C1.2	Tidak membawa makanan dan minuman yang diharamkan
C1.3	Tidak boleh melakukan aktiviti perjudian dan seumpamanya dalam premis
C1.4	Penyembelihan daging secara halal
C1.5	Tidak boleh melakukan sebarang aktiviti yang boleh membahayakan diri dan orang lain
C1.6	Mengutamakan kebersihan diri dan keselamatan
C1.7	Mempunyai arah kiblat, telekung, sejadah dan Al-Quran atau Tafsir Al-Quran
C1.8	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat
C1.9	Mempunyai nota (doa) dalam setiap bilik hotel
C1.10	Mengharamkan pusat disko, maksiat dan pergaulan bebas dalam premis
C1.11	Dapur mendapat pensijilan halal oleh badan berautoriti
C1.12	Sistem pengudaraan dan bilik diselenggara dengan baik
C1.13	Perkhidmatan bulan Ramadan termasuk (iftar dan sahur)jika diperlukan
<b>Kod</b>	<b>C2 – Organisasi dan kakitangan penginapan</b>
C2.1	Memberi salam kepada tetamu dengan muka ceria dan berjabat tangan sesama jantina kecuali mahram
C2.2	Bangun untuk mendapatkan tetamu dan menyampaikan maklumat yang tepat
C2.3	Mengiringi tetamu ketika pulang
C2.4	Sentiasa memelihara aurat dan menjaga kebersihan diri
C2.5	Kakitangan mengeluarkan zakat/ cukai
C2.6	Melantik badan penasihat syariah
C2.7	Sumber dan pengurusan kewangan berlandaskan hukum syarak
C2.8	Mendapatkan lesen dan pentauliahan sijil halal
<b>Kod</b>	<b>C3 – Etika Pelanggan/ Penginap</b>
C3.1	Memberi salam terlebih sebelum masuk rumah penginapan
C3.2	Bersalaman dan berjabat tangan dengan tuan rumah penginapan
C3.3	Tidak melakukan perkara yang boleh menyinggung perasaan tuan rumah penginapan
C3.4	Sentiasa memelihara aurat dan kebersihan diri
C3.5	Sentiasa menjaga keselamatan, keharmonian, dan kebersihan ruang penginapan
C3.6	Menjaga adab dan akhlak dalam semua perkara
C3.7	Tidak melakukan sumbang mahram atau menginap bersama orang berlainan jantina kecuali mahram
<b>Kod</b>	<b>C4 – Kemudahan umum</b>
C4.1	Televisyen perlu mempunyai saluran informasi Islam
C4.2	Mengutamakan hiburan yang bercirikan nilai Islami
C4.3	Menyediakan kayu sugi/ pembersih gigi
C4.4	Menyediakan arah kiblat dan kalendar waktu solat
C4.5	Menyediakan papan tanda arah setiap ruangan
C4.6	Senarai masjid berdekatan disediakan
C4.7	Senarai restoran halal berdekatan disediakan
C4.8	Boleh menyediakan salun berasingan (lelaki dan wanita)
C4.9	Kemudahan tandas awam bagi lelaki dan wanita yang mesra pengguna muslim
C4.10	Penyediaan surau di rumah penginapan
<b>Kod</b>	<b>C5 – Keselamatan dan keselesaan</b>
C5.1	Mengutamakan keselamatan dan keselesaan dalam penginapan
C5.2	Pagar keselamatan
C5.3	Penyediaan CCTV
C5.4	Penyediaan alat pemadam kebakaran
C5.5	Penggera keselamatan
C5.6	Pengurusan sisa pepejal sistematik
C5.7	Menyediakan peti cadangan (komen/ aduan) untuk penambahbaikan penginapan
C5.8	Memastikan persekitaran selamat dari semak samun dan ancaman binatang liar
C5.9	Nombor hotline kecemasan
C5.10	Menyediakan kit pertolongan cemas
C5.11	Ruang berkumpul ( <i>Assembly Point</i> )
C5.12	Pengesan asap ( <i>Smoke detector</i> )
C5.13	Larangan membawa binatang peliharaan ke dalam penginapan

Sumber : Diubahsuai daripada Siti Fatma dan Rosmawati (2015)

Kod C1 hingga C4 adalah merupakan ciri-ciri penginapan patuh syariah yang telah diperincikan dalam tulisan artikel Siti Fatma dan Rosmawati (2015) dan telah pengkaji telaj menambahbaik dan mengubahsuai ciri-ciri agar selari dengan kehendak keperluan kajian ini. Walaubagaimanapun, penelitian terhadap ciri-ciri penginapan patuh syariah yang dilaksanakan adalah berfokuskan kepada penginapan bertaraf hotel yang berskala besar. Sementara itu, Kod C5 adalah merupakan ciri-ciri baru yang dimasukkan oleh pengkaji dalam usaha membentuk Model *homestay* patuh syariah untuk menjadikan penilaian atau pematuhan standard sesebuah premis penginapan tersebut mencapai tahap patuh syariah dalam kalangan pelancong atau penginap muslim iaitu elemen keselamatan dan keselesaan penginap, (Suhailah, Norcikeyonn dan Mohd Nor Azan, 2022). Jaminan keselamatan di sesebuah destinasi pelancongan merupakan faktor penting dalam pembuatan keputusan para pelancong. Kajian yang dilaksanakan oleh Hanirah (2007) mendapati bahawa aspek keselamatan semakin menjadi pilihan utama kesemua responden (pelancong) apabila mereka memilih lokasi yang selamat dalam percutian mereka khususnya yang berkaitan dengan kemudahan fasiliti yang disediakan di premis penginapan.

## 6.1 Strategi Pengembangan Pelancongan Islamik di Nusantara

Ekosistem Pelancongan Islam adalah berkait rapat dengan segmen pelancongan yang lain serta sektor ekonomi utama, dan pertumbuhan dan pembangunan pasaran pelancong Muslim yang mana ianya akan mengekalkan pelbagai sektor seperti perbankan, kewangan dan insuran melalui gerbang pembayaran, dompet digital dan produk insurans perjalanan untuk keperluan pasaran ini. Pelancongan Islam ini juga dapat meningkatkan permintaan dalam fesyen dan pakaian sukan Muslimah, kosmetik, teknologi hijau, media mesra-Muslim, hiburan dan rekreasi digital, serta farmaseutikal, kesihatan dan perubatan yang halal iaitu selaras dengan strategi utama yang digariskan dalam Dasar Pelancongan Negara (NTP) 2020-2030 dalam membangunkan Pelancongan Islam di negara ini, (Wartawan Samudera, 2022).

Pembabitian masyarakat dalam pembangunan produk pelancongan Islam mahupun berbentuk produk dan perkhidmatan mesra pelancong Islam adalah perkara yang signifikan untuk dilaksanakan. Hal ini kerana, perangkaan yang ditunjukkan oleh Laporan Crescentrating pada 2015, mendapati pelancong Islam akan mencapai 98 juta pada 2020. Laporan Thomson Reuters pula menyatakan pasaran dari pelancongan Muslim ini akan menjana pendapatan AS\$243 bilion (RM1.043 trilion) menjelang 2021, (Norlida dan Noradiva, 2017). Malaysia juga merupakan antara 10 negara teratas penerima pelancong tertinggi dunia. Tambahan pula kewujudan *Islamic Tourism Centre* (ITC) Malaysia dijangka dapat mempercepat dan memudahkan lagi pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan Islam atau produk mesra pelancong Islam.

Menurut Dawami, Ahmad Rozai dan Kasnan (2023), pihak kerajaan bersama Jabatan Pelancongan misalnya boleh memperkasakan peranannya sebagai pembentuk dan pelaksana pembangunan fasiliti pelancongan dan sumber manusia. Pejabat Pelancongan Riau misalnya dalam salah satu misinya ingin membangunkan destinasi tumpuan pelancong yang berdaya saing dan mampan dengan adanya sokongan budaya Melayu sebagai khazanah kekayaan dan kearifan tempatan. Para sarjana dan penyelidik perlu bertindak untuk menjalankan tanggungjawab moral berdasarkan ilmu pengetahuan yang ada sebagai sumbangan untuk memajukan ekonomi masyarakat setempat.

Novi Yanti, Ahmad dan Abdul (2022) pula mengetengahkan potensi *homestay* di Mandalika sebagai tuan rumah bagi penganjur acara perlumbaan motosikal antarabangsa. Berdasarkan kajian lapangan, *homestay* disediakan bersifat sederhana dan tidak mempunyai satu pengurusan yang sistematik sekaligus memberi kesan kepada kepuasan pelancong. Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis pengurusan *homestay* berasaskan syariah di kawasan Litar Mandalika. Penyelidikan menggunakan kaedah kajian kualitatif berasaskan fenomenologi dan Informan ialah dalam kalangan Pengurus *homestay* yang terletak di sekitar Litar Mandalika. Hasil kajian menjelaskan

bahawa masih kurang kefahaman pihak pengurusan tentang pengurusan syariah hingga mengakibatkan perniagaan tidak berjalan secara optimum dan pengurusan syariah dilaksanakan merangkumi beberapa aspek iaitu perancangan, pengawalan, organisasi, dan kepimpinan.

Waluyo et al., (2022) menjelaskan bahawa potensi pelancongan keagamaan di Indonesia masih sangat terbuka terhadap pembangunan agar dapat memberikan manfaat yang lebih besar kepada masyarakat secara amnya. Kampung Pelancongan Menggoro merupakan salah satu tapak pelancongan keagamaan yang mempunyai potensi besar dalam meningkatkan ekonomi rakyat. Pembangunan pelancongan keagamaan dapat dioptimumkan dengan cara membangunkan Kampung Menggoro sebagai sebahagian daripada pelancongan halal. Hasil penyelidikan menunjukkan potensi besar untuk pembangunan ekonomi dan pembangunan masyarakat boleh dioptimumkan melalui penubuhan *homestay* syariah, pensijilan halal untuk makanan istimewa Kampung Menggoro, penghasilan cenderamata, serta menyediakan tempat pameran produk kampung pelancongan asli. Faedah pelancongan keagamaan bukan sahaja dirasai oleh pengurus dan peniaga tetapi juga oleh Masyarakat Kampung Menggoro.

Menurut Abdul (2021), sektor pelancongan boleh dijadikan sebagai usaha untuk menambah baik pendapatan rakyat Indonesia. Kejayaan pembangunan pelancongan telah menghasilkan dan meningkatkan aliran pertukaran mata wang asing ke dalam negara dan mengukuhkan mata wang rupiah. Selain itu, pembangunan pelancongan dapat mewujudkan lagi pelbagai aktiviti ekonomi seperti pembinaan hotel, restoran dan lain-lain yang mampu mewujudkan pekerjaan, meningkatkan kuasa beli baharu, dan penggunaan perkhidmatan serta pengangkutan. Justeru, strategi pengukuhan institusi diperlukan kerana ianya akan dapat dilaksanakan untuk membantu Kerajaan dalam memasyarakatkan dan melaksanakan elemen 'sapta pesona' sebagai daya tarikan dalam aktiviti pelancongan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelancong, termasuk bimbingan dan kaunseling tentang pelancongan halal, melatih sumber manusia untuk pelancongan halal, dan memudahkan untuk penyelarasan dan merealisasikan sinergi yang baik antara semua institusi.

Perkembangan pelancongan halal telah menjadi alternatif baru kepada industri pelancongan di Indonesia. Hal ini selaras dengan trend pelancongan halal yang telah menjadi sebahagian daripada industri ekonomi Islam global. Kajian yang dilaksanakan oleh Hefrianshah, Mailin dan Wildan (2020) bertujuan untuk menganalisis potensi pasaran, peluang dan cabaran untuk membangunkan pelancongan halal di bandar Pematang Siantar, Sumatera Utara, Indonesia. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat peringkat utama dalam mencari strategi pembangunan pelancongan halal di bandar Pematang Siantar sebagai penyokong destinasi pelancongan Danau Toba iaitu tahap permasalahan, tahap penyelesaian, tahap aspek, dan tahap strategi. Tahap masalah dikategorikan mengikut keutamaan iaitu isu alam sekitar, perkhidmatan, akses dan isu komunikasi.

Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA) telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Persatuan Pelancongan Indonesia dalam usaha memajukan industri pelancongan Islam di peringkat global. Datuk Dr Mohd Khalid Harun, Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA) mengadakan lawatan kerja selama dua hari ke Jakarta bagi menandatangani persefahaman dan bergabung dengan beberapa persatuan pelancongan di Indonesia seperti Persatuan Agensi Pelancongan Indonesia (ASITA), Forum Pelancongan Halal Indonesia, Komuniti Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Indonesia, Persatuan Muslim Penyelenggara Haji dan Umrah Republik Indonesia (AMPUHRI), Institut Latihan Halal Indonesia (FHT Institue) dan Perkumpulan Pariwisata Halal Indonesia (PPHI). Kerjasama persefahaman ini mampu menguntungkan kedua-dua negara bagi mempromosikan produk pelancongan Islam sekaligus meningkatkan pendapatan ekonomi negara, (Harian Metro, 13 Jun 2023).

Negara Brunei Darussalam pula adalah sebuah negara yang berkonsepkan 'Melayu Islam Beraja' iaitu penerapan nilai-nilai Melayu yang terbaik, ajaran Islam yang unggul dan mengamalkan

cara hidup saling hormat-menghormati di antara rakyat dan raja. Justeru, pembangunan dan perkembangan sektor pelancongannya perlu mengambil mendasari konsep ini, (Mohammad Raduan dan Mohammad Sharir, 2007). Pembangunan industri halal terutama yang melibatkan makanan adalah antara kerjasama baharu yang boleh diteroka bersama oleh Malaysia dan Brunei dalam era pascapandemik Covid-19. Selain industri makanan halal, ianya turut melibatkan beberapa sektor penting seperti ekonomi digital, minyak dan gas, pembuatan pintar, kecerdasan buatan (AI), pertanian pintar dan pelancongan, (Harian Metro, 24 Januari 2023). Oleh itu, pelancongan islamik adalah perkara yang tidak asing untuk dikembangkan dalam industri pelancongan di Brunei Darussalam dengan pewujudan industri halal yang juga merupakan salah satu segmen dalam pelancongan. Dengan termeterainya pelbagai kerjasama antara Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam sebagai rakan sejian di Nusantara, pelbagai aktiviti mempromosikan produk pelancongan berasaskan agama islam seperti penawaran *homestay* patuh syariah perlu dimantapkan lagi dalam usaha menyebarkan syiar islam.

## 6.2 Potensi Komersial Pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS)

Melancong dalam pemahaman sebahagian umat terdahulu dikaitkan dengan perjalanan di muka bumi tanpa destinasi, bukan untuk menuntut ilmu, malahan kebanyakan di antara mereka berpergian dalam usahanya untuk menyiksa diri sebagai bentuk kezuhudan dan menganggap hal itu sebagai ibadah (Ibn al-Jauzi, 1989: 406). Justeru itu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “*Tiada pelancongan dalam Islam*”. Hadis ini bermaksud melancong dengan tujuan kejahatan, mengadu domba dan membuat kerosakan di tengah-tengah kehidupan manusia (Ibn al-Athir, 1979, 2: 1052). Dengan erti kata yang lain, tujuannya adalah bukan berdasarkan tuntutan syarak, sedangkan dalam al-Quran melancong dimaksudkan untuk tujuan syarak, seperti puasa, menuntut ilmu dan berjihad (al-Buhuti, 1982, 1: 506).

Pelancongan Islam juga disebut di dalam hadith dimana umat Islam disarankan mengembara dan melancong untuk menimba ilmu dan meningkatkan pengetahuan sekaligus menambahkan keimanan dan mendekatkan diri kepada Allah ketika menjalankan aktiviti melancong. Menurut Imam al-Ghazali (1967, 313-321) dalam kitabnya, *ihya’ Ulum al-Din*, kitab Adab al-Safar, diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W bersabda pada hadith seperti berikut:

**Maksudnya:** *Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah Allah, membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisiNya.*

(Hadis riwayat Muslim, No. 4867)

Dalam konteks Nusantara, sejarah membuktikan bahawa para pedagang Islam memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam. Kemungkinan besar Islam tersebar di Alam Melayu pada awal abad Hijrah lagi. Hal ini berdasarkan kepada laporan orang-orang Arab yang mengadakan hubungan perdagangan dengan daerah-daerah Alam Melayu dan negeri China. Peranan mereka dalam penyebaran Islam ini dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu usaha mereka sendiri menyampaikan Islam kepada penduduk tempatan dan keduanya ialah melalui kemudahan yang mereka berikan kepada para pendakwah Islam menaiki kapal-kapal mereka untuk bergerak dari satu pelabuhan ke pelabuhan lain untuk berdakwah, (Arnold, 1974).

Malaysia sebagai negara Islam perlu merebut peluang membangunkan konsep pelancongan mesra Muslim, sekaligus menarik lebih ramai pelancong Islam berkunjung ke negara ini. Sektor pelancongan halal dan mesra Muslim mempunyai potensi besar, selain mampu menjadi pembawa perubahan kepada industri pelancongan dunia dan menjana pendapatan lumayan selain

mencipta peluang pekerjaan serta perniagaan bagi penduduk setempat, (The Nusantara Daily, 07 Disember 2019). Hasil yang dijana melalui industri pelancongan adalah enam peratus daripada eksport keseluruhan dunia, (*World Tourism Organization*, 2015). Justeru, Malaysia perlu mempelbagaikan produk pelancongan antaranya berasaskan ekologi dan agro (pelancongan eko dan agro), pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, *homestay*, dan sebagainya tidak terkecuali pelancongan berkonsepkan agama islam.

Sementara itu, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah telah mengadakan satu sesi kunjungan hormat ke *Islamic Tourism Centre* pada 9 Julai 2020 untuk memohon pandangan pakar dalam membangunkan kursus, modul yang bersesuaian serta strategik sebagai tapak permulaan IPDAS berjinak-jinak dalam dunia pelancongan Islam khususnya di Sabah. Sabah turut dikenali oleh para pelancong dari dalam dan luar negeri sebagai salah satu destinasi pelancongan menarik yang kaya dengan alam semula jadi terutamanya pulau-pulau, pusat penjagaan hidupan liar dan kawasan Taman Negara yang menjanjikan keindahan hutan belantara Borneo. Sektor pelancongan merupakan antara peluang terbaik bagi para pelajar atau graduan khususnya dalam pengajian Islam untuk mewarnai bidang pelancongan dengan memanfaatkan aktiviti melancong bagi melihat keindahan alam sekaligus menimbulkan rasa insaf dan kagum terhadap kebesaran Pencipta, (JAKIM, 2020).

Permintaan produk pelancongan jenis *homestay* patuh syariah akan meningkat permintaannya khususnya di Malaysia dan amnya di Indonesia dan Brunei Darussalam yang berminat memajukan *homestay* patuh syariah. Hal ini kerana, ketiga-tiga negara jiran nusantara ini meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi dan populasi masyarakat muslimnya adalah tinggi. Perkembangan pelancongan islamik ini dilihat dapat memberi peluang secara langsung untuk mempromosikan produk *homestay* patuh syariah di peringkat nusantara dan global. Ianya mampu memberikan pulangan lumayan kepada pengusaha dalam meningkatkan tahap sosioekonomi.

Selain itu juga, pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) berpotensi untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pengusaha *homestay* negara Islam seperti Negara Brunei Darussalam dan Indonesia dalam menawarkan produk pelancongan *homestay* patuh syariah. Hal ini secara langsung dapat mewujudkan proses pemindahan ilmu kepada pengusaha *homestay* berhubung bentuk penyediaan infrastruktur, pakej program *homestay*, ciri perkhidmatan, dan jenis aktiviti *homestay* yang dianggap patuh syariah sebagai produk pelancongan Islam, (Suhailah, Norcikeyonn dan Mohd Nor Azan, 2022). Hasil daripada pelaksanaan pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) diharapkan dapat memberikan nilai tambah kepada pembangunan produk pelancongan di nusantara dalam aspek menjaga keharmonian hidup bermasyarakat berkomuniti dan juga bersosio-budaya.

## 7.0 KESIMPULAN

Pelancongan Islam merupakan salah satu aktiviti yang digalakkan dalam Islam. Selain sebagai penyumbang kepada ekonomi dan pendapatan negara, pelancongan juga merupakan salah satu medium dalam menyampaikan dakwah. Dengan pembentukan Model *Homestay* Patuh Syariah (MHPS) yang diusahakan oleh para akademik diharapkan dapat membantu melonjakkan lagi pasaran produk pelancongan Islamik khususnya di Nusantara. Tuntasnya, sektor pelancongan mempunyai potensi untuk berkembang pesat terutamanya dari aspek ekonomi. Hal ini secara langsung dapat meningkatkan pendapatan negara serta membuka banyak peluang pekerjaan, terutama penglibatan bumiputera dalam perniagaan sektor pelancongan seperti *homestay* dan penghasilan produk makanan, bahkan tidak ketinggalan negara di Nusantara turut berpotensi untuk menjadi modal pelancongan Islam dengan penglibatan individu Muslim.

## Penghargaan

Pembiayaan penyelidikan ini ditaja oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah Geran Skim Dana Khas (SDK0336-2022) yang bermula pada 1 Mac 2022. Penghargaan dan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada para pengusaha *homestay* yang terlibat sepanjang kajian dijalankan iaitu melibatkan Bandaraya Kota Kinabalu, Kundasang dan Semporna, Sabah. Kesudian para responden telah mendatangkan hasil kepada kajian iaitu dalam aspek pemerolehan data primer di lapangan.

## Rujukan

- Aam, B. (2019). Exploratory Analysis Of Halal Hotel Services: Based On Practices Of Halal Hotels In Three Countries. *Advances in Economics, Business and Management Research*. 100, 69-74.
- Abdul, R. (2021). *Strategi Pengembangan Parwisata Halal Dalam Meningkatkan Daya Saing Bisnis Parwisata Indonesia*. International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference. 6 April 2021. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Al-Buhūti, M. Y. (1982). *Kashshāf al-Qināc min matan al-Iqnāc*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Gazali, Al-Imam, (1979). *Ihya' Ulum al-Din. Juz 1*. Cairo : Dar Al-kutub Li At-Turast Al-Quran dan Terjemahannya.
- Arnold, T. (1974). *The Preaching of Islam: A History of the Muslim Faith*. London: Constable.
- Atmo, P. (2021). *Sosial Budaya Dan Parwisata Halal Indonesia: Studi Sosial Budaya Destinasi Parwisata Halal di Lombok Nusa Tenggara Barat*. Prodi Pengkajian Islam, Konsentrasi Ekonomi Islam. Sekolah Pascasarjana, Universitas Islam Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Azarudin, A., Zainuddin, Z., Mohd Sabri, A. G., Noralisa, I., & Zuraini, J. (2021). Potensi Masjid Sebagai Produk Pelancongan Di Malaysia. *Journal Voice Of Academia*. 17(1). 1-9.
- Dawami., Ahmad Rozai, A., & Kasnan, SH.MH. (2023). Komunikasi Branding Ekowisata Pantai Ketapang Pulau Rupert Antara Potensi, Pelestarian Lingkungan dan Mendunia. *Jurnal Tafidu*. 2(1), 1-16.
- Formica, S. (2002). Measuring Destination Attractiveness: A Proposed Framework. *Journal of American Academy of Business*. 1, 350-355.
- Hafiz, I. (2018, 28 Ogos). Destinasi Mesra Muslim. My Metro. <https://www.hmetro.com.my/santai/2018/08/372135/destinasi-mesra-muslim>.
- Haliza, A. R. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Speacial Issue 2018, 506-518.
- Harakah Daily. (2022, 20 Julai). Pelancongan Islam Berpotensi Besar Maju Di Malaysia. <https://harakahdaily.net/index.php/2022/07/20/pelancongan-islam-berpotensi-besar-maju-di-malaysia/>
- Harian Metro. (2023, 13 Jun). MATA Jalin Kerjasama Dengan Indonesia Kembangkan Pelancongan Islam. Dalam <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/06/977026/mata-jalin-kerjasama-dengan-indonesia-kembangkan-pelancongan-islam>. Retrieved 21 July 2023.

- Harian Metro. (2023, 24 Januari). *Industri Halal Kerjasama Baharu Malaysia - Brunei*. Dalam <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/01/928889/industri-halal-kerjasama-baharu-malaysia-brunei> Retrieved 21 July 2023.
- Hardius, U., Nurdin, S., & Lia, E. S. (2020). Sharia Motivation In Muslim Tourism Definition, Is It Matter?. *Journal Of Islamic Marketing*. 10(3), 709-723.
- Hasri, H. (2017). *Sejaubmana Pemeriksaan Prinsip Maqasid Al-Syariah Menjadi Dasar Di Negeri Selangor : Satu Kajian Terhadap Peranan Institut Maqasid Syariah (INSMAQ) UNISEL*. National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017). 23 Ogos 2017. RHR Hotel.
- Hefrianshah., Mailin., & Wildan, A. H. (2020). *Potensi Pengembangan Parivisata Halal Kota Pematang Siantar*. International Conference Communication and Social Sciences (ICCOMSOS). 14-15 Julai 2020. Medan, Universitas Islam Sumatera Utara.
- Hurriah, A. H. (2022). Pariwisata Halal: Tantangan Dan Peluang Di Era New Normal. *JURNAL PILAR: Jurnal Kajian Islam Kontemporer*. 13(1), 54-66.
- Ibn al-Athīr, A. S. (1979). *al-Nihāyah fi Gharīb al-Athār*. Jil. 2. Beirut: Maktabah al-‘Ilmiyyah
- Ibn al-Jauzī, J. (1989). *Talbīs Iblīs*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Sinergi IPDAS Bersama Islamic Tourism Centre Untuk Mewarnai Landskap Pelancongan Mesra Muslim*. Dalam <https://www.islam.gov.my/en/about-jakim/jakim-s-profile/strategic-plan/785-pelan-strategik-jakim-2015-2019>. Diakses pada 17 Oktober 2023.
- Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC). (2022). *MOTAC Sasar 9.2 Juta Kedatangan Pelancong Dengan Anggaran 26.8 Bilion Pendapatan Bagi Tahun 2022*. <https://www.motac.gov.my/en/media/release/motac-sasar-9-2-juta-kedatangan-pelancong-dengan-anggaran-26-8-bilion-pendapatan-bagi-tahun-2022>
- Kosmo. (2021, 16 Februari). *Hotel Mesra Muslim Berpotensi Untuk Diteroka*. <https://www.kosmo.com.my/2021/02/16/hotel-mesra-muslim-berpotensi-untuk-diteroka/>
- Latifah, M., Hisham, S., & Junaidah, A. S. (2022). Pendekatan Dakwah Ke Arah Memperkasakan Pelancongan Islam Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 7(45). 18-33.
- Lina, M. K., & Hairul, N. I. (2012). *Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan Isu*. The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago (SIMPORA 9: 12). 11 & 12 December 2012. Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia.
- Mohd Izzudin, M. N., & Fatimah, N. M. N. (2018). Pengaplikasian Maqasid Syariah Sebagai Parameter Konsep Hotel Patuh Syariah. *Jurnal Ulwan*. 1, 99-109.
- Mohammad Raduan, M. A., & Mohammad Sharir, M. R. (2007). *Perusahaan Pelancongan Di Negara Brunei Darussalam: Bolehkah Ia Berkembang*. *Borneo Research Journal*. 1, 237-254.
- Noor Fiteri, A. (2013). *Masjid Mengendalikan Penginapan: Pilihan Alternatif Kepada Industri Pelancongan*. Terengganu International Tourism Conference 2013 (TITC2013).
- Norlida, H., & Noradiva, H. (2017, 29 September). *Rebut Potensi Ekonomi Pelancongan Islam*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2017/09/331452/rebut-potensi-ekonomi-pelancongan-islam> Retrieved 21 July 2023.



- Novi Yanti, S. D., Ahmad, H., & Abdul. W. (2022). Manajemen *Homestay* Berbasis Syariah Sebagai Upaya Pengembangan Pariwisata Halal Dan Ekonomi Kreatif. *Al-Fikru: Jurnal Ilmiah*. 16 (1), 82-94.
- Patton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Shofwan, K. (2013). Pembangunan Pariwisata Dalam Perspektif Islam. *TAJDID*. 16(1), 117-126.
- Siti Fatma, M., & Rosmawati, M. R. (2015). Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS 2015)*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Siti Noorbiah, M.R., & Najahudin, L. (2012). *Aspek-aspek Penawaran Inap Secara Syariah di Hotel De Palma*. International Halal Conference (INHAC). 4-5 September 2012. PWTC, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Zanariah, Y. (2019). Konsep dan Amalan Perhubungan Awam Berteraskan Islam Dalam Hotel Mesra Muslim Terpilih Di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Suhailah, A. M., Ahmad Tarmizi, A. R., Sainei, A., Dzurizah, I., Mikdar, R., & Norcikeyonn, S. (2023). *Tinjauan Tabap Pengetahuan Pelancong Atau Penginap Terhadap Perkhidmatan Kemudahan Penginapan Homestay Patuh Syariah Di Sabah*. Global Tourism Conference (GTC2023). 27 September 2023. Universiti Malaysia Terengganu.
- Suhailah, A. M., Mohd Nor Azan, A., Norcikeyonn, S. (2022). Pelaksanaan *Homestay* Patuh Syariah dalam Aspek Reka Bentuk dan Ruang Persekitaran Kemudahan Penginapan Mesra Muslim di Sabah: Implementation of Syaria Compliant Homestays in the Aspect of Design and Environmental Space of Muslim-Friendly Accommodation Facilities in Sabah. *Sains Insani*. 7(2), 64-73.
- Suhailah, A. M., Mohd Nor Azan, A., Norcikeyonn, S. (2022). Konsep ‘Summum Bonum’: Pematuhan Etika Islam Dalam Kalangan Penginap *Homestay* Patuh Syariah Di Sabah. National Pre-University Seminar 2022 (6th NpreUS). Kolej Universiti Islam Selangor.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Ahmad Tarmizi, A. R., Mohd Nor Azan, A., & Mikdar, R. (2022). *Homestay* Berasaskan Patuh Syariah Dan Bukan Patuh Syariah: Satu Perbandingan. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 4(3), 253-267.
- Suhailah, A. M., Norcikeyonn, S., Mohd. Dahlan, A. M., Dzurizah, I., Jalihah, M. S., Mohd Nor Azan, A., & Mardyawati, M. A. (2022). Penelitian Pengaplikasian Ciri-Ciri Keselamatan Kemudahan Penginapan *Homestay* Patuh Syariah Di Destinasi Pilihan Pelancong Di Sabah Merujuk Perspektif Maqasid Syariah. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. 4(3), 294-305.
- Syits, Q., Syifa, U., Wina, R., & Yuliawanti, D. (2021). Destinasi Pariwisata Halal Di Kota Bandung. *Jurnal Likuid*. 1(1), 99-106.
- Tengku Kasmini, T. W., Noradiva, H., Norlida, H. M. S., & Rozita, A. (2021). Nilai Islam dalam Pengurusan Modal Intelek di Sektor Perhotelan. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 55(2), 1 – 14.
- The Nusantara Daily. (2019, 07 Disember). Malaysia Perlu Rebut Peluang Bangun Pelancongan Mesra Muslim. <https://thenusantaradaily.com/malaysia-perlu-rebut-peluang-bangun-pelancongan-mesra-muslim/> Retrieved 21 July 2023.

- Waluyo., Yulfan, A. N., Lina, A. S., & Rina, S. Q. (2022). Potensi Pengembangan Wisata Halal di Wisata Religi Desa Menggoro Untuk Menunjang Ekonomi Kerakyatan. *Khasanah Ilmu: Jurnal Parwisata Dan Budaya*. 13 (2), 171-179.
- Wartawan Samudera. (2022, 23 Oktober). Percutian Islamik, Penjana Kebangkitan Ekonomi. <https://www.samudera.my/percutian-islamik-penjana-kebangkitan-ekonomi/> Retrieved 21 July 2023.
- Widya, A. (2018). *Analisis Strategi Promosi Dan Pelayanan Parwisata Guna Meningkatkan Jumlah Pengunjung Dipantai Sari Ringgung Pesawaran Dalam Perspektif Etika Bisnis Islam*. Program Studi Ekonomi Syari'Ah. Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Islam. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.